essence communications

a wpp company

# Cultural treat at CNY do

## Collection from charity drives presented to two charity homes





**Food, glorious food:** Guests helping themselves
on offer.

Story and photos
by **OH ING YEEN**
ingyeen@thestar.com.my

THE Cyberjaya Chinese New Year open house held at the Cyberjaya Sports Arena on Thursday attracted about a crowd of 3,000.

The event also brought festive joy to the disabled children from Pusat Jagaan Kanak-kanak Cacat Taman Megah (PPKKCTM) and elderly residents of Pusat Rawatan dan Jagaan Orang Tua Al-Ikhlas.

The homes were also presented with contributions collected by Cyberview during its charity drives.

PPKKCTM received RM5,545, while Pusat Rawatan dan Jagaan

Orang Tua
RM5,000 coll
charity drive.
The celeb
by Cybervi
Cyberjaya
the Sepang
(MPSp), Mul
Corporation (
Sdn Bhd a
Management
Guests we
spread and e
Huang Ensen
ditional Chin
The tradit
cutting and
were popular
got to tak
personalised

# Semangat 1Malaysia pada rumah terbuka Tahun Baru Cina

CYBERJAYA: Konsep perpaduan dan semangat 1Malaysia jelas dapat disaksikan pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Cyberview Sdn Bhd di Sports Arena, di sini, baru-baru ini.

Program yang dihadiri lebih 1,000 orang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat itu dianjurkan bersama Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Multimedia Development Corporation (MdeC), Setia Haruman Sdn Bhd dan Prima Properties Management Sdn Bhd.

Turut hadir memeriahkan majlis itu ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Wan Abd Aziz Wan Abdullah; Ahli Lembaga Pengarah Cyberview Sdn Bhd; Tan Sri Abdul Halim Ali dan Pengarah Urusan Cyberview, Hafidz Hashim.

Selain menjamu selera, pengunjung dihiburkan dengan muzik tradisional dan moden Cina dan demonstrasi kaligrafi Cina.

Sebagai simbolik sambutan itu, beberapa tetamu kenamaan bersama-sama menggaul yee sang sebagai melambangkan kemewahan, kemakmuran dan kesuburan.

Hafidz berkata, matlamat penganjuran program itu untuk berkongsi kegembiraan dengan orang ramai pada sambutan Tahun Baru Cina tahun ini sebagai pemangkin mengeratkan perpaduan nasional melalui semangat 1Malaysia.

Katanya, selain dapat bermesra dengan komuniti di Cyberjaya, majlis itu memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat meraikan Tahun Baru Cina sekali gus dapat memupuk perpaduan.

"Saya berharap semua anggota masyarakat menjadikan semangat tahun 'harimau' sempena Tahun Baru Cina tahun ini sebagai penggalak mengeratkan lagi perpaduan antara pelbagai kaum demi untuk keharmonian dan kesejahteraan bersama di Cyberjaya," katanya.

Pengunjung, Mazulida Zulkiflly, 34, berkata sebagai rakyat Malaysia, beliau gembira dan berbangga dapat hidup aman menyambut perayaan pelbagai kaum di sini.

"Program yang dianjurkan ini menjadi contoh terbaik dan dapat diteladani pihak lain dalam mengekalkan keharmonian dan hormat menghormati antara satu sama lain," katanya yang bertugas di situ.

Pada majlis itu, Cyberview selaku tuan rumah turut menjalankan khidmat sosial korporatnya dengan menderma sejumlah wang tunai melalui sumbangan komuniti di kawasan itu.

Antara penerima sumbangan ialah Pusat Jagaan Kanak-Kanak Cacat Taman Megah yang menerima wang tunai RM5,545 dan Pusat Rawatan dan Jagaan Orang Tua al-Ikhlas, Pulau Meranti menerima RM5,000 yang disampaikan oleh Abdul Halim.




**ABDUL HALIM (empat dari kanan barisan belakang) bergambar bersama penerima sumbangan pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina Cyberview.**



**WAN ABD AZIZ (empat dari kanan) dan Hashim (tiga dari kanan) bersama tetamu kenamaan lain menggaul yee sang sebagai simbolik sambutan.**